



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***ELEMEN IDENTITI DAN PENGEKALAN IDENTITI ETNIK  
BUMIPUTERA SIAM DI KAMPUNG JAMBU, TUMPAT KELANTAN  
MALAYSIA***

**ROZMALINA IZWANITA BINTI MOHAMED**

**FEM 2019 33**



**ELEMEN IDENTITI DAN PENGEKALAN IDENTITI ETNIK  
BUMIPUTERA SIAM DI KAMPUNG JAMBU, TUMPAT, KELANTAN,  
MALAYSIA**



Oleh

**ROZMALINA IZWANITA BINTI MOHAMED**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**November 2017**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## DEDIKASI

*DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI PENGASIHANI  
SELAWAT DAN SALAM KEPADA JUNJUNGAN NABI MUHAMMAD S.A.W.*

*Ku titipkan dedikasi teristimewa....*

***Buat Ayahanda dan Bonda,***

*Yang dikasihi **MOHAMED BIN DAUD dan SHARIPAH BINTI LOMAN @MAT  
MIN***

*mengenang perit jerih kalian dalam meredah kepayahan dan menyusun  
langkah serta ketabahan kalian dalam mendidik ku ,akhirnya anakmu berjaya  
menempuh dugaan dan cabaran bagi mengatur langkah kehidupan yang lebih  
sempurna sepanjang 'perjalanan' ini. Keringatmu itu melahirkan rasa insaf  
terhadapku. Aku sungguh bertuah kerana memilikimu berdua...*

***Buat Kakanda dan adinda yang dihormati,***

*Semangat kalian semua telah memberikan dorongan terhadapku dalam  
menempuh hidup yang kian mencabar. Tidak lupa kepada Mohd Shahrul Nyzam yang  
tidak putus memberi kata semangat kepadaku. Bersabarlah..aku akan tetap  
mengingati*

*jasa dan budi kalian semua.*

***Buat sahabat-sahabat yang di kasihi,***

*Sokongan dan kata semangat kalian semua sentiasa di ingati. Semoga kita sama-  
sama Berjaya di dunia dan di akhirat..*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**ELEMEN IDENTITI DAN PENGEKALAN IDENTITI ETNIK  
BUMIPUTERA SIAM DI KAMPUNG JAMBU, TUMPAT, KELANTAN,  
MALAYSIA**

Oleh

**ROZMALINA IZWANITA BINTI MOHAMED**

November 2017

**Pengerusi : Profesor Madya Lee Yok Fee, PhD**  
**Fakulti : Ekologi Manusia**

Identiti merupakan simbol yang penting dalam menonjolkan keunikan ciri-ciri budaya sesebuah kelompok etnik di samping menjadi sempadan antara etnik dengan kumpulan etnik yang lain terutama kepada golongan minoriti. Melalui identiti yang ditonjolkan, sesebuah etnik dapat bertapak dan mengukuhkan kedudukan mereka dalam masyarakat Malaysia amnya yang berbilang etnik dan agama. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk: a) menghuraikan proses identifikasi etnik bumiputera Siam di Kampung Jambu sebagai orang Siam dan orang Siam di Malaysia; b) mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh etnik bumiputera Siam dalam mengekalkan identiti; c); etnik mengenalpasti usaha-usaha yang dilakukan oleh etnik bumiputera Siam untuk mengekalkan identiti mereka sebagai orang Siam dan orang Siam di Malaysia; dan d) menjelaskan perbezaan pandangan golongan belia dan golongan tua tentang pengekalan identiti. Dapatan kajian menunjukkan seramai sembilan orang informan berketurunan Siam telah terlibat dalam kajian yang dijalankan di Kampung Jambu, Tumpat Kelantan. Data telah dikumpulkan secara kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian. Kesemua informan mengidentifikasikan diri mereka sebagai orang Siam dengan menggunakan simbol agama *Buddha Theravada* dan kebudayaan. Seterusnya, dalam mengidentifikasikan diri mereka sebagai bumiputera Siam Malaysia pula, simbol yang digunakan oleh penduduk kampung Jambu ialah adat resam, bahasa Thai dialek dan status bumiputera. Pengaruh budaya barat, pertukaran agama dan kekurangan generasi pelapis menjadi cabaran kepada etnik bumiputera Siam dalam mengekalkan identiti. Etnik bumiputera Siam berusaha mengekalkan identiti etnik melalui; a) pengekalan seni bina wat; b) penubuhan sekolah bahasa Thai; dan c) menyambut perayaan mereka setiap tahun. Pandangan yang diberikan oleh golongan belia dan tua terhadap pengekalan identiti merupakan pandangan yang positif yang membawa kepada usaha pengukuhan kedudukan etnik mereka dalam masyarakat menerusi simbol yang dibentuk. Dalam konteks ini, arus globalisasi

tidak mengubah simbol identiti etnik bumiputera Siam sebaliknya diperkukuhkan dengan usaha yang pelbagai oleh komuniti Siam itu sendiri dalam mempertahankan identiti etnik mereka daripada terpinggir.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment  
of the requirement for the degree of Master of Science

**ELEMENT OF IDENTITY AND IDENTITY RETENTION OF THE  
BUMIPUTERA SIAMESE AT KAMPUNG JAMBU, TUMPAT, KELANTAN,  
MALAYSIA**

By

**ROZMALINA IZWANITA BINTI MOHAMED**

November 2017

**Chairman : Associate Professor Lee Yok Fee, PhD**  
**Faculty : Human Ecology**

Identity is an important symbol to highlight the unique feature of a culture as well as to distinguish every ethnic group especially the minority. Through the portrayed identity, a group of ethnic could establish a concrete position in the Malaysian multiracial and religion society. Therefore, this research was conducted to: a) explain the identification process of the Siamese *Bumiputera* at Kampung Jambu as Siamese and as Siamese in Malaysia; b) identify the challenges that the Siamese ethnic group is facing to preserve their identity; c) identify the effort that has to be done by the Siamese ethnic group to preserve their identity as Siamese and as Siamese living in Malaysia; d) explain the different views of the youth and elderly pertaining to identity maintainance. The research outcome shows a total of nine Siamese informants involved in this research at Kampung Jambu, Tumpat, Kelantan. The data was collected through qualitative method of interview and observation. All nine informants have identified themselves as Siamese by using Buddha Theravada religious and Siamese cultural symbols. Consequently, to identify themselves as Malaysian Siamese *Bumiputera*, traditions, Thai dialect and *Bumiputera* status are used as symbols of identification. Whilst the western cultural influence, exchange of religion and deficiency of new generation are the challenges faced by the Siamese *Bumiputera* to maintain their identity. The Siamese *Bumiputera* ethnic strives to maintain the ethnic identity through; a) preserving the wat architecture; b) establishment of Thai language school; and c) celebrating their festival annually. The views given by the youth and elderly regarding the identity retention are positive which lead to the effort of reinforcing the ethnicity in the society through the shaped symbols. In this context, the globalization does not affect the symbol of identity of the native Siamese ethnic instead, the symbols of identity is reinforced with the various effort of Siamese community to maintain the ethnic identity from possible downfall.

## PENGHARGAAN

### **Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani**

Syukur atas limpahan nikmatNya dan kekuatan yang dikurniakan, akhirnya selesai sudah tesis saya yang bertajuk 'Identifikasi dan Pengekalan Identiti Etnik Bumiputera Siam di Kampung Jambu, Tumpat, Kelantan, Malaysia'. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana saya berjaya menyempurnakan perjalanan saya untuk mencapai kejayaan ini. Ianya sangat bermakna bagi diri saya kerana perjalanan sebagai pelajar siswazah adalah sangat berliku dan mencabar. Namun, perjalanan ini telah mengajar saya seribu satu erti dalam jihad menuntut ilmu demi kehidupan yang lebih baik.

Setjuta kasih dan setulus penghargaan buat ayahanda dan bonda tersayang yang tidak jemu menyokong usaha ini dan sedia banyak berkorban serta sentiasa mendoakan kejayaan anak-anak mereka. Setulus penghargaan kepada tunang tercinta Mohd Shahrul Nyzam yang sentiasa menjadi teman setia untuk setiap segala kesenangan dan kesusahan yang diharungi. Segala pengorbanannya selama pengajian ini amat-amat dihargai. Semoga diri ini sentiasa dilapangkan dan diberi kekuatan untuk terus berkorban dan berbakti kepada mereka bagi membalas segala jerih perih dalam membesarkan anak-anak. Tidak dilupa setulus penghargaan buat Rosepadilla, Rizairul Azwadi dan Rina Natasya Idayu dan keluarga yang sentiasa memberi sokongan dan bantuan tatkala diri ini memerlukan bantuan dan sokongan. Semoga kalian semua dipanjatkan dengan kesejahteraan dan kebahagiaan sentiasa serta Allah S.W.T sentiasa melindungi kalian.

Jutaan terima kasih dan setulus penghargaan turut diucapkan kepada Prof Madya Dr. Lee Yok Fee selaku penyelia dan Prof Madya. Dr. Sarjit Singh A/L Darshan Singh selaku ahli jawatankuasa penyeliaan yang sentiasa memberi tunjuk ajar dan teguran berguna dalam melengkapkan tesis ini sebaiknya. Tanpa tunjuk ajar dan teguran mereka kepada saya sepanjang bergelar pelajar mungkin saya tidak akan sampai ke tahap ini.

Sekalung penghargaan yang teramat istimewa juga untuk teman-teman Kak Dayang, Anis Elina, Suhada yang banyak membantu dalam memberi sokongan dan dorongan. Semoga Allah swt membalas kalian dengan sesuatu yang lebih baik atas segala budi yang ditabur kalian. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan, warga JPKK dan warga FEM serta yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberi bantuan dan kerjasama sepanjang berada di Fakulti ini. Sekalung penghargaan buat semua.



Dengan selesainya tesis ini, tidak bermakna ia menjadi titik akhir dalam menimba ilmu Allah swt yang luas, namun ia merupakan titik bermulanya semangat untuk terus mencari dan menongkah ilmu. Insya Allah, semoga kerja-kerja ini diberkati Allah swt.  
Wassalam.



## ISI KANDUNGAN

Muka surat

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI GAMBAR</b>	xiv
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Soalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	5
1.4.1 Objektif Khusus	5
1.5 Kepentingan Kajian	6
1.6 Definisi Istilah	7
1.6.1 Identifikasi	7
1.6.2 Identiti	7
1.6.3 Bumiputera	8
1.6.4 Minoriti	8
1.6.5 Golongan Belia	8
1.6.6 Golongan Warga Emas	8
1.7 Skop Kajian	9
1.8 Teori Kajian	9
1.9 Kesimpulan	13
<b>2 TINJAUAN KAJIAN LEPAS</b>	14
2.1 Pengenalan	14
2.2 Masyarakat Siam (Thai) dan Identiti	14
2.3 Identiti Bumiputera Siam dan Keagamaan	15
2.4 Identiti Bumiputera Siam dan Kebudayaan	23
2.5 Rumusan	30
<b>3 METODOLOGI</b>	32
3.1 Pengenalan	32
3.2 Proses Kajian	32
3.3 Reka Bentuk Kajian	33
3.3.1 Temu Bual	34
3.3.2 Pemerhatian Turut Serta	35
3.4 Pengumpulan Data	37
3.5 Lokasi Kajian	37
3.6 Pemilihan Sampel	37
3.6.1 Butiran Profil Informan	38

3.7	Instrumen Kajian	40
3.8	Analisis Data	41
	3.8.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Temu Bual	41
	3.8.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Pemerhatian	42
3.9	Kesimpulan	42
<b>4</b>	<b>IDENTITI DAN PENGEKALAN</b>	<b>43</b>
4.1	Pengenalan	43
4.2	Identiti Orang Siam	44
	4.2.1 Identiti Orang Siam secara Umum	44
	4.2.1.1 Identiti Orang Siam dan Agama Buddha Theravada	44
	4.2.1.2 Identiti Orang Siam dan Kebudayaan Menora	47
	4.2.1.3 Identiti Orang Siam dan Kebudayaan Perayaan	50
	4.2.2 Identiti Bumiputera Siam di Malaysia	54
	4.2.2.1 Identiti Bumiputera Siam Malaysia dan Adat Resam	54
	4.2.2.2 Identiti Bumiputera Siam Malaysia dan Bahasa Dialek Thai	57
	4.2.2.3 Identiti Bumiputera Siam Malaysia dan Status Bumiputera	61
4.3	Cabaran Mengekalkan Identiti Etnik Bumiputera Siam	63
	4.3.1 Pengaruh Budaya Barat	63
	4.3.2 Pertukaran Agama	66
	4.3.3 Kekurangan Generasi Pelapis	68
4.4	Usaha Pengekalan Identiti Etnik Bumiputera Siam	69
	4.4.1 Seni Binaan Wat	70
	4.4.2 Penubuhan Sekolah Bahasa Thai	72
	4.4.3 Sambutan Perayaan	75
4.5	Pandangan Tentang Pengekalan Identiti antara Golongan Belia dan Golongan Tua	77
	4.5.1 Golongan Belia (18-30 tahun)	77
	4.5.1.1 Eratkan Hubungan Silaturahmi	77
	4.5.1.2 Pelindungan Generasi	78
	4.5.2 Golongan Tua Bumiputera Siam (60 tahun dan ke atas)	80
	4.5.2.1 Penghormatan	80
	4.5.2.2 Kehadiran Komuniti Siam	81
4.6	Kesimpulan	82
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	<b>85</b>
5.1	Pengenalan	85
5.2	Rumusan Kajian	85
5.3	Implikasi Kajian	87
5.4	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	88
5.5	Kesimpulan	89

<b>BIBLIOGRAFI</b>	90
<b>LAMPIRAN</b>	95
<b>BIODATA PELAJAR</b>	99



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
3.1 Proses Kajian	33
3.2 Semasa perayaan Kathina	36



## SENARAI GAMBAR

Gambar	Muka surat
3.1 Penyelidik bersama informan	35
3.2 Pengantin lelaki datang ke rumah pengantin wanita	36
4.1 <i>Hing prak</i>	46
4.2 Dramatari Menora	47
4.3 Pemberian pokok duit oleh penduduk kampung semasa perayaan Kathina di Wat Photivihan, Tumpat	53
4.4 Pesta Songkran yang diadakan pada bulan April 2016 di Wat Terbak	54
4.5 Bakal pengantin bertemu dan bermesra dengan orang tua kampung	57
4.6 Bangunan Sekolah Thai di Wat Photivihan	60
4.7 Penyelidik bersama pelajar dan sukarelawan yang menjadi tenaga pengajar	61
4.8 Ukiran bahasa Pali digunakan di pintu masuk Wat Photivihan	72
4.9 Pelajar sekolah bahasa Thai di Wat Photivihan, Tumpat	74
4.10 Ibu bapa sedang mengambil anak mereka dari sekolah	74
4.11 Pesta air Songkran di Wat Terbak, Tumpat	76

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Malaysia ialah sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang etnik kerana mempunyai pelbagai kumpulan etnik yang terdiri daripada etnik Melayu, Cina, India serta kumpulan etnik-etnik lain termasuk etnik bumiputera. Walaupun Malaysia mempunyai kepelbagaian etnik, namun penduduknya mampu hidup secara harmoni, aman dan damai dalam tampuk pemerintahan yang sama. Hubungan yang erat antara etnik di Malaysia dapat dilihat menerusi budaya, bahasa, agama dan interaksi sosial yang saling melengkapi antara satu sama lain.

Dari segi sejarah, kepelbagaian etnik mula terbentuk apabila alam Melayu menjadi tempat tumpuan dan pertemuan pelbagai tamadun dan budaya dunia. Hal demikian kerana, ia didorong oleh faktor perdagangan, penyebaran agama dan penjajahan. Dalam konteks ini, kepelbagaian etnik di Malaysia mampu membina sebuah tamadun yang utuh dalam membentuk dan mengekalkan identiti diri etnik agar tidak berlaku kekeliruan dan campur aduk etnisiti etnik masing-masing.

Peradaban atau proses ketamadunan memainkan peranan penting dalam membentuk identiti sesebuah etnik. Menurut Mustafa Haji Daud (2002), sejarawan Barat seperti Arnold Toynbee menjelaskan bahawa tamadun ialah satu gaya kebudayaan yang bertanggungjawab membentuk institusi politik, kesusasteraan, agama dan moral. Dengan kata lain, tamadun adalah suatu sistem dalam masyarakat yang dapat membantu manusia meningkatkan pencapaian hidup daripada kemunduran kepada kemajuan dalam aspek kepercayaan, sains dan teknologi, kesenian dan nilai-nilai moral yang dihasilkan oleh masyarakat. Selain itu, sejarah ketamadunan manusia telah mencatatkan adanya satu rantaian perubahan sosial yang berpanjangan (Hesti Asriwandari dan Jamaluddin Md.Jahi (2012).

Komuniti manusia memainkan peranan penting dalam membentuk ketamadunan. Hal ini demikian kerana, komuniti manusia akan membentuk identiti bangsa yang akan mengawal pertumbuhan penduduk agar tidak ketinggalan dan mengalami kemunduran. Selain itu, jika sesebuah komuniti atau sesebuah kumpulan etnik tersebut dipisahkan dari segi kewarganegaraan namun unsur-unsur perkongsian budaya dan identiti nenek moyang mereka yang masih kuat bahkan menjadi satu ikatan etnik yang utuh dalam mengukuhkan strategi kelangsungan hidup mereka dalam komuniti etnik lain.

Perubahan masa yang kian pesat berlaku memerlukan kumpulan etnik atau komuniti mengukuhkan kedudukan mereka dalam masyarakat agar identiti etnik mereka tidak hilang dek arus globalisasi dan kepadatan komuniti lain. Menurut Osman Bakar

(2009), komuniti berperanan dalam memastikan nilai-nilai dan norma-norma murni dalam sesebuah masyarakat terutama yang berkaitan dengan adat resam dan budaya harus dihormati dan terpelihara. Abu Bakar Hamzah dalam karyanya yang bertajuk "Sejarah Kebudayaan Islam" pada tahun 1972 menyatakan bahawa kebudayaan di dalam sesuatu ketamadunan ialah sesuatu yang dihasilkan oleh manusia dalam bentuk yang abstrak iaitu sesuatu yang dicetuskan oleh akal dan budi manusia dalam mencapai sesuatu perkara. Dengan kata lain, tamadun lahir secara seiring dengan perkembangan kehidupan manusia dari masa ke semasa dalam bentuk pemikiran, kebudayaan dan kebendaan.

Osman Bakar (2009) turut menjelaskan bahawa komuniti atau kumpulan masyarakat sangat berpengaruh dalam menentukan personaliti dan identiti manusia itu sendiri. Justeru itu, setiap kumpulan etnik di dunia mempunyai konsep tersendiri untuk menceritakan tentang tahap kegemilangan peradaban dan kemajuan hidup yang telah dicapai oleh mereka (Che Haslina Abdullah, 2013). Kumpulan etnik bumiputera Siam merupakan salah satu komuniti minoriti yang mempunyai identiti mereka tersendiri. Kesedaran mengenai kepentingan identiti dan budaya nenek moyang mereka tetap utuh dan berkembang. Walaupun populasi etnik mereka sedikit namun bumiputera Siam mampu mengekalkan kebudayaan dan identiti mereka dalam kelompok etnik lain yang dominan, sekaligus mencerminkan ketamadunan mereka.

Bumiputera Siam di Malaysia mempunyai sejarah ketamadunan mereka yang berbeza daripada kumpulan etnik minoriti yang lain. Penghijrahan mereka secara besar-besaran pada abad ke 19 dan 20 merupakan titik permulaan sejarah peradaban bumiputera Siam di Tanah Melayu yang kini dikenali sebagai Malaysia. Bumiputera Siam dikatakan membuat penempatan awal mereka di sepanjang Sungai Kelantan yang menjadi pemisah antara Malaysia dengan negara Thailand.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2010), seramai 60,000 etnik bumiputera Siam tinggal dan menetap di Malaysia. Manakala menurut Laporan Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia (2010), seramai 13,000 orang penduduk daripada jumlah tersebut menetap di negeri Kelantan. Apabila melihat kepada populasi penempatan penduduk bumiputera Siam, kedudukan geografi yang bersempadankan dengan Thailand mempengaruhi mereka untuk menetap di Malaysia selain daripada keharmonian pelbagai etnik di Malaysia.

Menjadi warganegara yang berstatus bumiputera di Malaysia tidak mempengaruhi etnik bumiputera Siam untuk meninggalkan kebudayaan dan amalan tradisi nenek moyang mereka. Malah, status tersebut memberi kesedaran kepada mereka untuk mengekalkan budaya dan identiti mereka yang berakar umbi dari tanah besar mereka, iaitu Thailand. Bahkan jalinan hubungan kekeluargaan sanak saudara yang masih menetap di Thailand menjadi tunjang untuk mereka terus mempraktikkan amalan dan budaya mereka walaupun mereka jauh dari negara asal usul mereka sejak dahulu sehingga kini. Walaupun mereka dipisahkan dengan jarak dan masa, namun perubahan pesat dalam arus globalisasi mendekatkan mereka dengan saudara mara



sebudaya mereka di Thailand menerusi teknologi terkini seperti telefon, *videocall* dan sebagainya.

Selain itu, kepelbagaian budaya dan sifat lemah lembut etnik bumiputera Siam yang masih kekal wujud dalam diri mereka memperlihatkan bahawa mereka merupakan komuniti yang bertamadun. Bahkan, nilai-nilai murni sangat dititikberatkan oleh bumiputera Siam apabila mereka menerapkan nilai sopan santun dan berbudi bahasa dalam menyambut perayaan *Songkran*. Pesta *Songkran* merupakan antara perayaan yang disambut oleh penganut agama Buddha dan masyarakat bumiputera Siam di Malaysia. Selain daripada pesta *Songkran*, mereka turut menyambut perayaan *Loy Krathong* dan *Kathina* yang diadakan secara besar-besaran di *wat* masing-masing. Perayaan yang disambut oleh masyarakat bumiputera Siam dilihat sebagai kebudayaan yang menjadi identiti untuk etnik bumiputera Siam malah diterima baik oleh etnik agama lain apabila turut disertai oleh etnik lain semasa sambutan pesta diadakan.

Di Malaysia, etnik bumiputera Siam merupakan golongan kumpulan minoriti namun status tersebut tidak menjadi penghalang untuk mereka berkongsi keharmonian hidup dengan masyarakat etnik lain. Walaupun masyarakat bumiputera Siam akur dengan kedudukan dan status mereka sebagai golongan minoriti yang terpinggir kedudukannya namun perkara tersebut tidak mematahkan semangat mereka untuk terus berusaha mengekalkan identiti etnik mereka yang menjadi simbol kepada diri mereka. Proses globalisasi memberi kesedaran kepada etnik bumiputera Siam bahawa walaupun dari segi politik mereka ialah rakyat Malaysia namun jika tiada usaha mengekalkan identiti kumpulan etnik yang kini banyak terdedah dengan budaya asing dan etnik lain akan menghilangkan identiti asal usul nenek moyang mereka.

Tuntasnya, masyarakat yang berinteraksi mampu berkembang dengan jayanya daripada pelbagai sudut sosial dan sains. Melalui perkembangan sosial dan sains maka kumpulan masyarakat akan mewujudkan satu budaya dan kesenian yang mewakili identiti dan ketamadunan etnik mereka sendiri. Justeru itu, perkembangan tamadun dalam kumpulan etnik masyarakat akan melambangkan jati diri dan falsafah kehidupan mereka yang maju. Dengan kata lain, masyarakat yang tidak mempunyai identiti, nilai-nilai murni yang baik dan budaya yang tinggi adalah masyarakat yang tidak bertamadun kerana mereka tidak memelihara ketamadunan mereka sendiri.

## **1.2       Penyataan Masalah**

Persoalan tentang pembentukan dan pengekalan identiti jarang sekali dijadikan sebagai topik dalam perbincangan dan perbualan di Malaysia terutama yang melibatkan golongan minoriti. Dalam arus globalisasi, pembentukan identiti etnik masih menjadi isu yang sensitif dan bersifat personal yang samar-samar akan definisinya. Malah identiti etnik masih menjadi tanda tanya dan kabur terutama

kepada golongan minoriti. Hal ini kerana mereka selalunya disisih dan dipinggirkan akibat perbezaan budaya dan bilangan populasi yang kecil. Sifat kumpulan minoriti yang berasa mereka kecil dan akhirnya terpaksa akur dengan golongan dominan menyebabkan mereka selalunya ketinggalan terutama dalam aspek pembangunan dan interaksi sosial. Malah kewujudan mereka juga menjadi tidak penting terutama dari segi sosial dan budaya jika tiada langkah yang diambil daripada mengelakkan mereka menjadi golongan terpinggir dan ketinggalan.

Agama Buddha Theravada secara relatifnya menjadi simbol penting kepada etnik bumiputera Siam Kelantan. Hal ini kerana, rata-rata penganut agama Buddha Theravada di Kelantan adalah daripada bumiputera Siam. Dalam penulisan buku Mohamad Yusoff Ismail (2000), bagi orang Thai di Kelantan, agama Buddha menjadi satu simbol yang sangat penting dari segi memenuhi tuntutan *primordial sentiment* yang berkait rapat dengan etnisiti dan identiti etnik Thai. Selain daripada agama, institusi *wat* dan bikhu yang merupakan lambang penting agama Buddha Theravada turut menjadi simbol identiti kepada etnik bumiputera Siam di Kelantan. Lambang- lambang agama tersebut dipelihara dan dijaga dengan sempurna oleh mereka terutama oleh generasi tua.

Dalam agama Buddha Theravada, *wat* ialah tempat utama dalam penyatuan penganut dan menjadi penilai dalam proses membentuk identiti bumiputera Siam khususnya. *Wat* menjadi tempat rujukan kepada bumiputera Siam dan penganut Buddha kerana tanpa *wat*, majoriti akan hilang haluan dalam mencapai erti sebenar kehidupan dan mengenal identiti etnik berlandaskan agama (Mohamad Yusoff Ismail, 1996). Kajian lepas lebih menumpukan kepada aspek keagamaan seperti *wat* dalam proses pembentukan identiti kepada etnik bumiputera Siam.

Justeru itu, bumiputera Siam beragama Buddha Theravada dan institusi *wat* sebagai pusat keagamaan merupakan identiti kepada etnik Siam (Mohamad Yusoff Ismail:1996,2000). Penyelidik melihat perkara in memberi cabaran hebat kepada etnik bumiputera Siam dalam proses membentuk dan mengekalkan identiti kerana ironinya masyarakat sering mengaitkan identiti etnik mereka dengan agama Buddha Theravada sedangkan masih ada lagi identiti mereka yang lain yang kurang menonjol dan diketengahkan dalam masyarakat. Sungguhpun demikian, kajian lepas dalam aspek identiti kurang dijalankan oleh sarjana walhal identiti merupakan isu yang penting untuk setiap etnik di Malaysia khususnya.

Selain daripada itu, kebudayaan drama tari juga telah dikenal pasti sebagai identiti kepada etnik bumiputera Siam di Malaysia (Sohaimi Abdul Aziz & Omar Yusoff, 2010). Namun begitu, kajian yang dijalankan hanya fokus kepada keindahan dan keunikan kebudayaan tersebut tanpa mengaitkan kepentingan kebudayaan tersebut kepada identiti komuniti mereka. Pengetahuan masyarakat Malaysia yang berlainan etnik akan identiti bumiputera Siam adalah masih cetek. Perkara ini memberi cabaran kepada golongan bumiputera Siam itu sendiri dalam mengukuhkan kedudukan dan mengekalkan identiti etnik mereka di mata masyarakat Malaysia.

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang dikemukakan, jelas menunjukkan terdapat jurang yang ketara dalam kajian berkaitan identiti dijalankan di Malaysia. Penyelidik melihat kajian sarjana tempatan lebih menumpukan kepada kebudayaan dan agama Buddha Theravada sebagai identiti namun usaha pengekalan identiti yang merupakan faktor penting kepada identiti etnik tidak dipandang serius oleh masyarakat. Bahkan, kajian berkaitan cabaran mengekalkan identiti juga kurang diketengahkan oleh pengkaji terdahulu.

Justeru itu, kajian ini penting untuk dijalankan bagi mengisi kekurangan kajian lepas mengenai identiti etnik bumiputera Siam di Malaysia. Malah kajian ini dilihat adalah penting dalam melihat bagaimana etnik bumiputera Siam mengekalkan identiti etnik mereka biarpun berstatus minoriti di Malaysia. Hal ini kerana, identiti adalah sangat penting dalam menonjolkan kewujudan sesebuah etnik tersebut dalam negara yang di diami. Malah dalam setiap kumpulan etnik sama ada majoriti mahupun minoriti, mereka akan berusaha mempertahankan dan mengekalkan identiti etnik mereka khususnya dari segi keagamaan, kebudayaan dan keturunan.

### **1.3 Soalan Kajian**

Daripada penyataan masalah yang telah dijelaskan di atas, terdapat empat soalan kajian yang ditimbulkan dalam kajian ini:

- 1) Bagaimanakah etnik bumiputera Siam di Kampung Jambu mengidentifikasikan diri mereka sebagai orang Siam dan orang Siam di Malaysia?
- 2) Apakah cabaran yang dihadapi oleh etnik bumiputera Siam dalam mengekalkan identiti etnik
- 3) Apakah usaha yang dilakukan oleh etnik bumiputera Siam untuk mengekalkan identiti mereka sebagai orang Siam dan orang Siam di Malaysia?
- 4) Sejauh manakah perbezaan pandangan golongan belia dan warga emas etnik bumiputera Siam tentang pengekalan identiti mereka?

### **1.4 Objektif Kajian**

#### **1.4.1 Objektif Khusus**

Terdapat empat objektif yang lebih khusus dalam kajian ini.

- 1) Menghurai proses identifikasi etnik bumiputera Siam di Kampung Jambu sebagai orang Siam dan orang Siam di Malaysia.
- 2) Mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh etnik bumiputera Siam dalam mengekalkan identiti etnik.

- 3) Mengenalpasti usaha-usaha yang dilakukan oleh etnik bumiputera Siam untuk mengekalkan identiti mereka sebagai orang Siam dan orang Siam di Malaysia.
- 4) Menjelaskan sejauh mana perbezaan pandangan golongan belia dan warga emas etnik bumiputera Siam tentang pengkalan identiti mereka.

### 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk mengetahui bagaimana etnik bumiputera Siam Kelantan mengekalkan identiti diri mereka sebagai orang Siam dan orang Siam di Malaysia sejajar dengan perubahan sosial yang berlaku kini. Perubahan sosial yang kian pesat berlaku kini memberi impak kepada setiap golongan masyarakat khususnya kepada etnik minoriti dalam mengekalkan identiti etnik. Justeru itu, kajian ini dapat memberi ruang kepada etnik bumiputera Siam khususnya di Kampung Jambu berkongsi usaha mereka dalam mengekalkan identiti etnik mereka meskipun perkampungan mereka dikelilingi dengan penempatan etnik Melayu yang menjadi penduduk dominan.

Selain itu, kajian ini juga dapat membantu komuniti etnik bumiputera Siam menyuarakan pendapat mereka tentang identiti diri mereka sebagai masyarakat bumiputera Siam kepada pihak umum khususnya kepada etnik-etnik lain yang masih keliru akan identiti dan budaya mereka yang dianggap mirip dengan komuniti Melayu. Kajian ini dapat memberi ruang untuk komuniti etnik lain mengurangkan sikap prejudis atau diskriminasi terhadap etnik bumiputera Siam yang merupakan etnik minoriti biarpun mereka berstatus bumiputera.

Kajian ini dapat membantu pihak kerajaan khususnya Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam mengetahui aktiviti-aktiviti yang sering dilakukan oleh etnik bumiputera Siam terutama golongan belia yang tinggal di kawasan perkampungan seperti Kampung Jambu. Justeru itu, pihak JPNIN dan KBS dapat merancang program yang dapat menarik minat golongan belia bumiputera Siam untuk menyertainya sekali gus dapat merapatkan hubungan antara pihak kerajaan dengan golongan belia yang merupakan aset pelapis negara untuk masa akan datang.

Hasil kajian ini juga dapat membantu badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) swasta seperti Persatuan Siam Malaysia dan pihak Kerajaan Tempatan dalam mengadakan aktiviti bersama etnik bumiputera Siam dalam meningkatkan jaringan sosial dalam komuniti. Melalui kajian ini, pihak Kerajaan Tempatan dapat mengenal pasti corak hubungan sosial yang sedia ada terjadi dalam usaha mewujudkan hubungan pelbagai etnik dalam program *IKomuniti* yang sedang giat dijalankan oleh pihak kerajaan Malaysia.

Akhir sekali, diharapkan kajian ini dapat dijadikan panduan kepada penyelidik akan datang dalam bidang berkaitan kerana didapati penyelidikan khusus berkenaan identiti untuk golongan etnik berstatus minoriti agak kurang dijalankan. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak bahan rujukan seperti buku-buku dan artikel mengenai tajuk identiti namun dari segi penyelidikan yang mengkhusus kepada identiti kelompok masyarakat minoriti agak sukar diperoleh. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat membuka mata masyarakat dan kumpulan penyelidik untuk membuat kajian tentang kumpulan minoriti dengan lebih mendalam.

## **1.6 Definisi Istilah**

Dalam kajian ini, definisi yang dibincangkan adalah definisi konseptual. Angkubah yang dikaji dalam kajian ini ialah identifikasi, identiti, bumiputera, minoriti, belia dan warga emas.

### **1.6.1 Identifikasi**

Menurut Koenjtaraningrat (1987), identifikasi adalah suatu bentuk pengenalan terhadap suatu ciri-ciri fenomena sosial secara jelas dan terperinci. Kamus Dewan Edisi ke-4 pula menyatakan identifikasi membawa maksud mengenal pasti masalah yang paling menonjol atau menentukan identiti sesuatu golongan. Identifikasi membawa kepada salah satu proses penelitian dalam menentukan sesuatu aspek yang dikaji.

Identifikasi dalam kajian ini merujuk kepada bagaimana golongan bumiputera Siam menentukan identiti golongan etnik mereka sebagai orang Siam dan orang Siam di Malaysia.

### **1.6.2 Identiti**

Menurut Sarjit Singh (1999), identiti merujuk kepada apabila seseorang yang menganggap dirinya sebagai ahli etnik tertentu yang mengidentifikasikan dirinya sebagai ahli kumpulan etnik tersebut, berkongsi nilai budaya yang sama dan mempunyai keahlian yang boleh dikenal pasti oleh orang lain. Konsep identiti adalah sangat luas bukan sahaja merujuk kepada imej atau keseragaman dalam lingkungan diri seseorang individu (*selfsameness*) tetapi turut merujuk kepada ciri-ciri yang dikongsi bersama dengan orang lain lantas memotret secara grafik pada kata perasaan dan emosi yang diimport di mana sentiasa ada bersama perasaan identiti setiap individu (Robertson & Holzner, 1980)

Identiti dalam kajian ini merujuk kepada ciri-ciri yang diinterpretasikan oleh golongan minoriti bumiputera Siam untuk melambangkan mereka sebagai orang Siam. Identiti dalam kajian ini juga merujuk kepada bagaimana golongan minoriti

bumiputera Siam mengekalkan ciri-ciri masyarakat etnik mereka dalam persekitaran yang dikelilingi oleh golongan etnik yang berlainan bangsa dan agama dengan mereka yang tinggal di Kampung

### **1.6.3 Bumiputera**

Menurut Hasan Mat Nor (1998), bumiputera di Malaysia merujuk sebagai kumpulan etnik yang meliputi orang Melayu di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, Iban, Bidayah, Kayan, Kenyah, Kelabit, Melanau, Murut serta penduduk-penduduk peribumi lain di Sarawak, Kadazan, Dusun, Bajau dan penduduk natif di Sabah. Bumiputera dalam kajian ini merujuk kepada etnik Siam yang telah diisytiharkan sebagai golongan bumiputera oleh Datuk Seri Najib Tun Razak pada 25 Februari 2012. Selain itu, dalam Enakmen Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah, ada disebut bahawa orang Siam adalah salah satu daripada komuniti Melayu di mana sekali gus mengiktiraf orang Siam di Kedah sebagai anak jati Tanah Melayu.

### **1.6.4 Minoriti**

A. K. Brohi (1980) mendefinisikan minoriti sebagai suatu anggaran daripada sesebuah kelompok penduduk yang mempunyai ciri-ciri yang agak berbeza dari segi ras/jenis etnik, agama, bahasa ataupun orientasi etnik yang akan melambangkan sebagai satu unsur pemilikan yang nyata dengan kumpulan dominan. Kumpulan minoriti dalam kajian ini merujuk kepada kumpulan etnik yang berketurunan Siam yang tinggal di Kampung Jambu, Tumpat Kelantan. Kajian ini juga melibatkan masyarakat bumiputera Siam yang menganut agama Buddha Theravada sebagai agama rasmi mereka.

### **1.6.5 Golongan Belia**

Belia merupakan satu golongan atau kumpulan umur tertentu dalam sesebuah masyarakat. Mengikut Dasar Pembangunan Belia Negara, belia mengikut perspektif Malaysia ditakrifkan sebagai mereka yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun (Dasar Pembangunan Belia Negara, 1997). Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mentafsirkan belia terdiri daripada mereka yang berumur antara 15 hingga 25 tahun (Shaharuddin Badaruddin, Azman Ayob, & Mazlan Che Soh, 2010). Belia dalam kajian ini merujuk kepada responden yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 30 tahun. Belia tersebut mestilah berketurunan Siam yang tinggal di Perkampungan Jambu, Tumpat.

### **1.6.6 Golongan Warga Emas**

Berdasarkan Dasar Warga Tua Negara (DWEN), warga tua ditakrifkan sebagai mereka yang berumur 60 tahun ke atas (Shalini Sanmargaraja & Seow Ta Wee, 2013). Dalam kajian ini, golongan tua merujuk kepada responden yang

berketurunan Siam yang berumur antara 55 tahun dan ke atas yang tinggal di Perkampungan Jambu, Tumpat.

### 1.7 Skop Kajian

Kajian ini hanya tertumpu kepada sebuah perkampungan etnik bumiputera Siam yang terdapat di negeri Kelantan, iaitu Kampung Jambu. Kajian ini melibatkan data kualitatif sahaja yang menggunakan pendekatan kajian etnografi. Hal ini kerana, penyelidik memfokuskan kepada dapatan kajian yang lebih terperinci dan tepat serta bukan yang berunsurkan perkaitan. Selain itu, memahami dan mengenali etnik lain suatu tugas yang sukar kerana mereka mempunyai perspektif yang berbeza-beza. Pendekatan kajian etnografi dapat memberikan gambaran dan menjelaskan sesuatu budaya atau identiti masyarakat atau komuniti yang berbeza latar belakang. Kajian yang dijalankan ini memerlukan maklumat yang mendalam serta terperinci dari informan bagi mendapatkan maklumat yang berkualiti dan mencukupi.

Informan dalam kajian ini terdiri daripada sembilan orang etnik bumiputera Siam. Kesemua informan merupakan anak jati Kampung Jambu yang masih lagi menetap di kampung tersebut. Temu bual secara mendalam dijalankan ke atas sembilan orang informan dalam kajian ini. Soalan yang diajukan pula lebih memfokuskan kepada objektif kajian penyelidik, iaitu berkait dengan pendapat dan pandangan informan tentang pengkalan identiti diri informan sebagai orang Siam dan orang Siam di Malaysia. Selain itu, penyelidik turut memfokuskan kepada soalan yang berkaitan dengan cabaran yang dihadapi oleh informan dalam menjadi golongan etnik minoriti dan orang Siam di Malaysia.

Penyelidik juga memfokuskan aspek ketamadunan dalam kajian ini yang menjadi tunjang utama bidang penyelidikan. Hal ini kerana penyelidik ingin mengetahui bagaimana etnik bumiputera Siam berjaya mengekalkan ketamadunan etnik mereka dari dahulu sehingga kini. Kajian ini memerlukan peruntukan masa yang lebih lama dengan mewujudkan jalinan *rapport* yang berpanjangan antara penyelidik dengan informan kajian. Lawatan kembali juga turut dilakukan oleh penyelidik dalam mendapatkan informasi terkini daripada informan.

### 1.8 Teori Kajian

Teori merupakan tunjang utama yang digunakan oleh para penyelidik dalam memahami dan menentukan orientasi penyelidikan yang dijalankan oleh mereka. Dalam kajian ini, pendekatan teori interaksi simbolik digunakan sebagai garis panduan untuk menerangkan objektif kajian dalam aspek ketamadunan dengan lebih mendalam. Teori interaksi simbolik digunakan oleh penyelidik untuk menjelaskan bagaimana makna simbol digunakan diterima maknanya oleh pihak lain dalam mengekal dan mengukuhkan ketamadunan sesebuah etnik. Hal ini kerana, makna simbol boleh berubah atau kekal mengikut peredaran masa jika hadirnya elemen-elemen lain yang diutarakan dan diterima maknanya dalam masyarakat.

Penyelidik mengaplikasikan teori interaksi simbolik yang diperkenalkan oleh ahli sosiologi Barat, iaitu George Herbert Mead (1863) dalam kajian ini. Teori ini diguna pakai sebagai garis panduan kepada penyelidik untuk melihat bagaimana proses etnik bumiputera Siam mencipta simbol dan menggunakannya dalam komuniti mereka. Penyelidik turut ingin melihat etnik bumiputera Siam mengidentifikasi secara individu mahupun dalam komuniti sifat simbol yang digunakan berdasarkan bentuk dan makna yang muncul. Menurut Mead (1863), salah satu perbezaan antara individu dengan individu yang lain adalah kemampuan individu tersebut menggunakan simbol-simbol tersebut. Tanpa kemampuan mencipta dan menggunakan simbol tersebut maka peradaban sistem organisasi sosial sesebuah masyarakat khususnya tidak dapat diperkembangkan atau akan mengalami keruntuhan.

Budaya ialah satu aspek dalam kehidupan manusia yang mana aspek tersebut akan dipelajari oleh manusia untuk dikongsi bersama. Simbol-simbol budaya meliputi agama, adat, seni, hukum, moral dan lain-lain kemahiran yang diperoleh dan digunakan oleh kelompok manusia dalam sesebuah masyarakat. Budaya juga merupakan satu warisan tradisi yang boleh dianggap sebagai satu langkah penyesuaian manusia dalam lingkungan masyarakat sekitarnya. Walaupun budaya adalah satu warisan yang diwarisi namun ianya boleh mengalami perubahan dan pengubahsuaian kerana budaya merupakan warisan kehidupan sosial kelompok manusia yang bertamadun. Hal ini kerana budaya sangat sinonim dengan perubahan sosial yang boleh berubah mengikut masa.

Proses pembelajaran budaya juga boleh berlaku menerusi simbol-simbol yang bermakna di mana simbol tersebut merupakan elemen penting dalam budaya. Hal ini kerana, budaya merupakan makna atau informasi yang dipelajari dan dikirirkan daripada individu kepada individu dari satu generasi ke generasi yang lain untuk diwarisi dan dipelihara melalui simbol-simbol yang dicipta. Contohnya, bahasa merupakan simbol penting dalam budaya. Tanpa bahasa, kumpulan manusia tidak dapat menyebarkan dan menerima maklumat secara simbolik dan dengan demikian tamadun tidak dapat dikembangkan dan boleh mengalami kejatuhan. Bahkan lambat laun kesedaran baru dalam kelompok masyarakat akan membawa perubahan kepada warisan budaya yang diwarisi.

Selain itu, simbol dalam budaya dapat membezakan antara kelompok manusia dengan kelainan dalam gaya hidup yang dipraktikkan. Menurut Ani Omar (2011) manusia yang berbudaya ialah manusia yang dapat melahirkan masyarakat yang bertamadun. Budaya juga dapat dijadikan sebagai penanda sosial yang penting kepada kumpulan manusia kerana boleh digunakan untuk membezakan ketamadunan sesuatu kumpulan manusia daripada yang lain. Oleh itu, manusia menggunakan simbol-simbol yang dicipta untuk berkomunikasi dan menerangkan makna sesuatu perkara kepada manusia yang lain. Penggunaan simbol yang dicipta adalah sangat penting kepada sesebuah etnik dalam menonjol dan mengekalkan ketamadunan.



Penggunaan simbol merupakan perkara yang penting dalam proses pengenalan diri secara individu mahupun dalam kumpulan. Dengan saling memahami dan menyetujui makna simbol-simbol tersebut maka simbol tersebut dapat digunakan dan dimurnikan maknanya untuk generasi akan datang. Dengan kata lain, manusia secara individu ataupun berkumpulan dapat memaksimumkan kelebihan penggunaan simbol yang dimiliki dalam masyarakat untuk mengharungi proses perkembangan kehidupan dalam arus globalisasi. Malah, penerimaan simbol dapat menunjukkan bahawa keupayaan berfikir manusia adalah kreatif dan kritis dalam mencipta makna untuk mengekalkan ketamadunan etnik. Era globalisasi memberi impak yang sangat besar dalam masyarakat kerana boleh memusnahkan sesebuah ketamadunan etnik jika kita tidak pertahankan.

Globalisasi merupakan satu proses yang meletakkan dunia tanpa sempadan di mana maklumat disalurkan menerusi pelbagai perantaraan dan media cetak. Perkembangan tersebut membawa kesan yang positif kepada kemajuan kehidupan manusia namun proses tersebut juga membawa banyak keburukan kepada jaringan sosial yang mendatangkan kesan buruk kepada peradaban. Globalisasi menyebabkan manusia menerima dan menyebarkan maklumat pada hari ini tanpa banyak soal jawab dan usul *periksa akan kesahihannya*. Proses tersebut jelas mendatangkan kesan buruk kepada ketamadunan manusia terutama kepada budaya etnik jika maklumat yang diterima bulat-bulat.

Hal ini kerana melalui interaksi dalam media sosial segala makna simbol dapat disebar dan diterima oleh kumpulan etnik lain. Sungguhpun begitu, penyebaran maklumat tersebut memberi kesan yang baik dan buruk kepada makna simbol yang diperkenalkan. Hal ini kerana, proses globalisasi boleh menyebabkan simbol yang digunakan mengalami perubahan kepada makna yang baru atau terus kekal dengan makna yang sedia ada. Apabila makna simbol mengalami perubahan maka tanggapan manusia akan makna simbol yang sedia ada akan turut berubah. Justeru itu, proses globalisasi secara tidak langsung boleh membawa kepada "*backlash*" atau tindak balas yang negatif ke atas ketamadunan manusia jika disalah guna dan tafsir dengan baik oleh kumpulan masyarakat itu sendiri. Oleh itu, penggunaan simbol juga merupakan salah satu unsur yang penting dalam mengekal dan memajukan ketamadunan sesebuah etnik atau bangsa dalam masyarakat.

Menurut Mead (1863) lagi, terdapat tiga idea utama yang menjadi dasar kepada pembentukan Teori Interaksi Simbolik, iaitu:

- a) *Pemikiran (Mind)* – Kemampuan untuk menggunakan simbol yang mempunyai makna sosial yang sama. Setiap individu harus mengembangkan pemikiran mereka melalui interaksi dengan individu lain.
- b) *Diri sendiri (Self)* – Kemampuan untuk merefleksikan diri dalam penilaian sudut pandangan atau pendapat orang lain.
- c) *Masyarakat (Society)* – Hubungan sosial yang diciptakan, digunakan dan dikongsi oleh setiap individu di tengah masyarakat dan setiap individu

tersebut terlibat secara sukarela serta akhirnya mengalami proses pengambilan peranan dalam kalangan masyarakat.

Bentuk-bentuk simbol yang digunakan dalam masyarakat muncul daripada perkataan, perlakuan, objek dan bahasa. Simbol Isyarat fizikal merupakan simbol yang signifikan namun masih tidak mencukupi kerana manusia tidak boleh melihat atau mendengar isyarat fizikal mereka sendiri. Oleh itu, bahasa merupakan simbol yang signifikan untuk digabungkan dengan isyarat fizikal. Bahasa adalah simbol yang mempunyai makna kepada individu pertama dan akan difahami oleh individu seterusnya.

Seterusnya, bahasa akan menghasilkan tindakan yang sama apabila wujudkan komunikasi dan didengari oleh orang lain. Justeru itu, walaupun etnik bumiputera Siam menggunakan bahasa dialek Che'eh dalam percakapan harian mereka namun mereka turut fasih bertutur dalam bahasa Melayu dialek Kelantan. Kefasihan etnik bumiputera Siam dalam bertutur dialek Kelantan menunjukkan bahawa mereka bijak dalam menyesuaikan simbol yang wajar digunakan apabila berada dalam komuniti yang berlainan etnik.

Di sini, penyelidik melihat wujud perkaitan antara Teori Simbolik Interaksi dengan etnik bumiputera Siam terutama dalam aspek komunikasi antara etnik mereka dengan penduduk setempat yang berlainan agama dan bangsa. Kefasihan dalam komunikasi digunakan untuk melihat adakah masyarakat etnik bumiputera Siam masih dapat mengekalkan identiti diri mereka. Hal ini kerana, terdapat percampuran bahasa dan budaya dalam kehidupan seharian mereka apabila mendiami kawasan yang didominasi oleh etnik lain yang berlainan agama dan bangsa.

## 1.9 Kesimpulan

Keseluruhannya, bab ini telah menjelaskan mengenai kajian yang dijalankan oleh penyelidik yang merangkumi permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi istilah, skop dan batasan kajian sepanjang menjalankan kajian. Penyelidik memfokuskan kajian identiti etnik memandangkan kajian tersebut kurang dijalankan oleh penyelidik lain pada masa kini. Tambahan lagi, etnik minoriti juga merupakan antara penyumbang kepada peningkatan ekonomi negara namun kehadiran mereka kurang diberi perhatian oleh masyarakat kini. Penyelidik juga ingin mengetahui adakah identiti etnik bumiputera Siam khususnya kian hilang kerana kepesatan era globalisasi kini.

Sebanyak empat objektif telah dirangka bagi memberikan panduan dalam kajian dijalankan. Teori Simbolik Interaksi dijadikan sebagai panduan dalam kajian ini bertepatan dengan kajian yang melibatkan interaksi dalam masyarakat yang akan mewujudkan satu simbol atau makna yang difahami oleh setiap etnik yang berlainan bangsa dan agama. Sehubungan itu, kajian ini tidak menggunakan data kuantitatif kerana kajian yang dijalankan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah temu bual dan pemerhatian.

## BIBLIOGRAFI

- Abu Bakar Hamzah (1972). *Sejarah Kebudayaan Umat Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Asnarulkhadi Abu Samah. (2011). Permasalahan Belia: Pendekatan bagi Mendepani Cabaran. In *Belia Pewaris 1 Malaysia* (pp. 1–21). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Azizan Bahari (1995). *Belia dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Baharin Ilias, Hanapi Dollah & Mohamad Nazri Ahmad (2011). Tradisi Bercerita Siam di Kelantan: Satu Analisa Fungsi Cerita. *Jurnal Melayu*, 8, 207-232.
- Barth, F (1969). *Ethnic Groups and Boundaries*, Boston Little, Brown and Company.
- Berg, B. L. (2009). *Qualitative Research Methods For The Social Sciences* (7th ed). Boston Pearson.
- Bogden, R.C. & Biklen, S.K. (1982). Boston: Allyn and Bacon Inc. *Qualitative Research for Education: An Introduction To Theory and Methods*.
- Brohi, A.K. (1980). *Problems of Minorities. Muslim Communities in Non-Muslim State*. Anjuran Islam Council in Europe. London.
- Che Haslina Abdullah, (2013) *Pembinaan tamadun Islam seimbang melalui psikologi Islam*. *Jurnal Hadhari*, 5 (1). pp. 199-213.
- Comber, Leon (2007). *Peristiwa 12 Mei: Sejarah Perhubungan Melayu-Cina*. Petaling Jaya IBS Buku Sdn Bhd.
- Cresswell, J.W. (1998). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five traditions*. Thousand Oaks, CA : Sage Publications.
- Creswell, J. W., (2009). *Third Edition. Research Design : Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks : SAGE Publications.
- Dasar Pembangunan Belia Negara (1997). Boleh dimuat turun di <https://www.jpnn.gov.my/sites/default/files/Dasar%20Pembangunan%20Belia%20Negara.pdf>
- Dasar Warga Tua Kebangsaan. Boleh di muat turun di <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/6574-dasar-warga-tua-kebangsaan.html>
- Duncan McCargo & Krisadawan Hongladarom. (2004), *Contesting Isan-ness: Discourses of Politics and Identity in Northeast Thailand*. *Asian Ethnicity Journal*. vol 5(2).
- Farok Zakaria (2011). *Komersialisasi Menora*. In: Hanapi Dollah. *Warisan Seni Budaya Siam Kelantan*. Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.
- George Herbert Mead (1934). *Mind, Self and Society*. Chicago: University Of Chicago Press.

- Glaser, B., & Strauss, A., (1967). *The Discovery of Grounded Theory: Strategies for Qualitative Research*. Chicago: Aldine.
- Glesne, C (1999). *Becoming Qualitative Researchers: An Introduction* (2nd ed). Ontario Canada: Longman.
- Golomb, Louis. (1978). *Brokers of Morality: Thai Ethnic Adaptation in a Rural Malaysian Setting*. *Asian Studies at Hawaii*, No. 23, 145-158.
- Hasan Mat Nor (1998). *Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan*, Kertas Kadangkala Bil. 8. Jabatan Antropologi Dan Sosiologi. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Hesti Asriwandari & Jamaluddin Md. Jahi. (2012). *Inequality dan perubahan Persekitaran*. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 30 (1). pp. 159-169.
- Holzner B. and Robertson R. (1980), *Identity and Authority: A Problem Analysis of Processes of Identification and Authorisation in Identity and Authority*, R Robertson and B Holzner (ed), Oxford: Blackwell; New York: St Martin's.
- Holstein, James A. & Gubrium, J. F. (1995). *The Active Interview*. Qualitative Research Methods series, No.37. Thousand Oaks: Sage.
- Ishii, Y. (1986) *Sangha, state, and Society: Thai Buddhism in History*, terjemahan Peter Hawkes, University of hawaii Press, Honolulu.
- Ishii, Y. (1993). *Sejarah Sangha Thai: hubungan Buddhisme Dengan Negara Dan Masyarakat*, terjemahan Mohamed Yusoff Ismail. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Irving Chan Johnson., (2011). *Size Matters: History, Marginality, And The Politics of Building Big in A Small Community*. *Journal of the Royal Anthropological Institute*. 17, 116-134.
- Jabatan Pendaftaran Negara (2009). Boleh dimuat turun di <http://www.jpn.gov.my/>.
- Kamsiah Abdullah (2010). *Integrasi Melayu Minoriti dengan Cina Majoriti di Singapura :Satu Kajian Rintis dalam Dominan Peribadi,Keluarga, Pekerjaan, Sosial dan Politik*, Persidangan Antarabangsa Minoriti dan Majoriti: Bahasa, Budaya dan Identiti, Hilton Kuching Sarawak, 23-24 November 2010.
- Kershaw, Roger. G (1969). *The Thais of Kelantan. A Socio-political Study of an Ethnic Outpost*. Ph.D Tesis, London, Universiti London (School of Oriental and African Studies).
- Kosmo (2014). *Persamaan Budaya Melayu- Siam*. Di muat turun di [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=1221&pub=Kosmo&sec=Rencana\\_Utama&pg=ru\\_01.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=1221&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm)
- Kuroda, Keiko. (2008). *The Siamese in kedah Under Nation-state making*. Universiti Kagoshima. Tokyo.
- Levenberg, Blanche (1972). *The monk's bowl*. *Visakha Puja* 2515: 90-94.
- Lee Yok Fee (2014). *Identiti Cina Malaysia: Elemen dan Pembentukan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia.

- Mahadee, MI (2008). Adaptasi Sosial Masyarakat Thai Buddha Di Tanah Merah, Kelantan. In Sarjit. S.Gill & Lee Yok Fee (eds). Masyarakat dan Kepelbagaian Sosial di Malaysia. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Merriam, S.B. (1998). *Qualitative Research & Case Study Applications in Education* (2<sup>nd</sup> ed). San Francisco: Jossey- Bass Inc.
- Mohd Hafifi Hafiz Nasir & Hanapi Dollah (2011). Seni Budaya. In: Hanapi Dollah. Warisan Seni Budaya Siam Kelantan. Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.
- Mohd Ghouse Nasruddin, (1992). *The Malay Traditional Music*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Kamil Abd Majid, and Rahimin Afandi Abd Rahim, (2009) *Perubahan Sosial Dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun*. Jurnal Hadhari, 1 (1). pp. 45-76.
- Mohd Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Yusoff Ismail, 1980. *The Siamese of Aril: A Study of an Ethnic Minority Village*, Monografi No.3, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Mohamed Yusoff Ismail. (1993). Buddhism and Ethnicity: Social Organization of a Buddhist Temple in Kelantan. *Singapore: Institute of Southeast Asian Studies*.
- Mohamed Yusoff Ismail.(1996). Pengaruh Siam dan Buddha Terhadap Sistem Kepercayaan Tradisional Orang Melayu Kelantan. *Akademika*, 23 – 37.
- Mohamed Yusoff I (2002). *Pengekalan Identiti Masyarakat Minoriti Thai Di Kelantan*. In: Rahimah Abd. Aziz & Mohamed Yusoff Ismail (eds) Masyarakat, budaya dan Perubahan. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Taib Osman (1974). "Traditional dance drama in Thailand" in *Traditional Drama and Music Of Southeast Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Haji Daud (2002). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn Bhd.
- M.Dwi Chahyono (1997). Economical Function of The Performing Arts In The Ancient Jaw And Bali Societies (Ix-Xi A.D). *SEAMEO SPFA Symposium on History of Arts in South East Asia*, 17-24 June 1997, Kuala Lumpur: Akademi Seni Kebangsaan, Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia.
- Moore, F. (1974). Thailand: *Its People, Its Society, Its Culture*. New Haven: Hraf Press.
- Osman Bakar, Azizan Baharuddin dan Zaid Ahmad (2009). *Modul Pengajian Tamadun Islam Dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

- Padgett, D.K. (1998). *Qualitative Methods In Social Work Research: Challenges and Rewards*. Thousands Oaks, CA : Sage Publications.
- Rashid, M.Z & Engku Alwi, E.A.Z. (2011). Social Interaction among Muslims and Buddhists in Kampung Tendong, Pasir Mas, Kelantan, Malaysia. *International Journal of business and Social Science*, 2, 72-83.
- Razaleigh Muhamat (2000). *Kefahaman dan Amalan Ajaran Islam Kalangan Saudara Baru Masyarakat Siam di Kelantan*. Boleh di muat turun di <https://www.scribd.com/doc/185391990/Kefahaman-dan-Amalan-Ajaran-Islam-Kalangan-Saudara-Baru-Masyarakat-Siam-di-Kelantan>.
- Sarjit Singh a/ Darshan Singh (1999). Diaspora dan Masalah Identiti Sikh di Malaysia. *Akademika* 56 (Julai) 183-192.
- Sarjit, S. Gill. (2008). Peranan Gurdwara Dalam Pembentukan Identiti Sikh di Malaysia : Antara Ideal dan Praktis. *Akademika*, Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia 73 : 27-50.
- Sarjit S. Gill, Mohd Razali Harun, Ahmad Tarmizi Talib (2013) Analisis Pola Sokongan Dan Pengaruh Politik Belia Minoriti Siam Menjelang PRU-13. In: Shamsul Amri Baharuddin, Mansor Mohd Noor (eds) PRU-13: Siapa pilihan pengundi? *Institut Kajian Etnik (KITA)*, Bangi.
- Shaharuddin Badaruddin, Azman Ayob, & Mazlan Che Soh. (2010). Belia dan 1Malaysia: Antara Cabaran dan Harapan. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 2, 53-75.
- Sheppard, Mubin. (1973). 'Menora In Kelantan' Dalam Journal Of Malayan Branch, Royal Asiatic Society, 46, 161-170.
- Serdang Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Somboon Suksamran (1982). *Buddhism and Politics in Thailand: A Study of Socio-Political Change and Political Activism of the Thai Sangha*, Singapore, *Institute of Southeast Asian Studies*.
- Sohaimi Abdul Aziz dan Omar Yusoff. (2010). Perkembangan Identiti Etnik Peranakan Samsam Islam : Satu Kajian Kes Seorang Dalang Wayang Gedek di Kedah. *Sari -International Journal of the Malay World and Civilization* , 83 - 107.
- Sulaiman Masri (2005). *Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal Dan Tesis)*. Utusan Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Stephanic J. Teachout. 2005. *Thai Language Maintenance in New York: Wat Thai and The Preservation of Thai Identity*. Columbia University New York 9-16.
- Stithorn Thananthichot (2011). Understanding Thai Nationalism and Ethnic Identity. *Journal of Asian and African Studies (JAAS)* 250-263.
- Syed Arabi Idid (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tachibana, S. (1975). *The ethnics of Buddhism*. London: Curzon Press.

Winstedt, R.O., 1972. *The Malays: A cultural History*. London: Routledge & Kegan Paul.

Wing Tsit Chan, (1969). *The Great Asian Religion and Anthology* New York Macmillan. New York, Amerika.

Zuriati binti Mohd Rashid dan Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2011). Social Interaction among Muslims and Buddhists in Kampung Tendong, Pasir Mas, Kelantan, Malaysia. *International Journal of Business and Social Science*, 72-83.

